

1 Jun 2009 (Isnin)

Kontraktor sepenuh masa dapat projek

Oleh Nahar Tajri nahar@bharian.com.my

Kerajaan tetap syarat baru bagi tingkatkan kualiti

ALOR SETAR: Kementerian Kerja Raya akan menetapkan syarat supaya kontraktor kelas F, yang mahu mendapatkan projek pembinaan kerajaan, terdiri daripada mereka yang menyertai bidang itu secara sepenuh masa bagi memastikan hasil kerja yang lebih berkualiti pada masa depan. Menterinya, Datuk Shaziman Abu Mansor, berkata ketika ini, terdapat sebanyak 31,000 kontraktor Kelas F dan mereka seharusnya menjadikan bidang itu sebagai profesyen utama, bukan sumber pendapatan sambilan. Katanya, bilangan kontraktor kelas F yang terlalu ramai itu perlu dikecilkan dengan cara hanya mengekalkan kontraktor sepenuh masa, yang benar-benar serius melakukan kerja mereka. "Yang separuh masa ini diharap lama-kelamaan keluar daripada sektor ini. Kalau nak jadi kontraktor dalam bidang binaan terutamanya, kena serius dan jadikan ia sebagai punca utama pendapatan. "Kebanyakan kontraktor separuh masa ini buat kerja ambil ringan hingga hasilnya kurang berkualiti malah ada juga kontraktor yang bagi orang lain pegang lesen untuk mendapatkan projek secara 'ali baba', " katanya selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Kontraktor Melayu Kedah, di sini, malam kelmarin.

Shaziman berkata, secara keseluruhannya terdapat 45,000 kontraktor dalam negara ini dan beliau berpendapat jumlah itu terlalu besar serta perlu dikecilkan dengan cara menujuhkan konsortium dan bergabung. "Kita menggalakkan kontraktor kecil menujuhkan konsortium kerana langkah itu akan memberikan mereka kekuatan untuk berdaya saing dalam pasaran global. Langkah ini juga akan membentuk kedudukan dan keupayaan kewangan yang kukuh serta kebolehan melaksanakan sebarang projek dengan baik. "Kontraktor yang memiliki jentera juga boleh mendaftar dengan persatuan supaya kemudahan yang dimiliki boleh dikongsi atau disewa kepada kontraktor yang tidak mempunyai peralatan berkenaan.". Beliau berkata, kementerian juga mahu kontraktor menggunakan kaedah Sistem Pembinaan Berindustri (IBS) supaya tahap kebergantungan kepada buruh asing dapat dikurangkan.

1 Jun 2009 (Isnin)

Prosedur roboh bangunan perlu lebih ketat

KEJADIAN bangunan runtuh di Seksyen 14, Petaling Jaya yang mengorbankan tujuh pekerja, petang Khamis lalu, seharusnya dijadikan pengajaran kepada semua pihak bagi

mengelak tragedi seumpama itu berulang. Pihak berkuasa, misalnya, sewajarnya menilai kembali peraturan berhubung proses meroboh bangunan tinggi yang dilaksanakan di negara ini. Kita tidak boleh selama-lamanya menyalahkan takdir berikutan kejadian berkenaan, sebaliknya perlu melihat sama ada peraturan dan prosedur sedia ada sudah mencukupi dan apakah wujud sebarang kelemahan. Bagaimana pula dengan tindakan penguatkuasaan dan hukuman yang boleh dikenakan terhadap kontraktor yang tidak mematuhi? Ini penting kerana pembangunan terutama di kawasan Lembah Klang dijangka memasuki fasa baru dan banyak bangunan lama yang dibina pada tahun 1960-an dan 1970-an mungkin perlu dirobohkan bagi memberi laluan kepada pembinaan bangunan baru yang lebih canggih selaras dengan kehendak semasa. Justeru, sudah sampai masanya kerajaan menilai kembali undang-undang sedia ada bagi memastikan kerja meroboh bangunan selepas ini memenuhi pelbagai aspek keselamatan. Tanpa peraturan terkini yang memberikan keutamaan kepada tahap keselamatan tertinggi, kita bimbang kerja meroboh bangunan lama akan mengundang masalah termasuk menyebabkan kemalangan maut yang sepatutnya boleh dielakkan sekiranya semua pihak mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

Pada masa ini, negara tidak mempunyai peraturan khusus yang memerlukan perunding mahu pun pakar dilantik bagi meneliti struktur bangunan sebelum kerja meroboh dilakukan, sebaliknya hanya memerlukan permit daripada bomba dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Menurut Pensyarah Kanan Jabatan Struktur dan Bahan Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Arham Abdullah, di United Kingdom kontrak perobohan membabitkan kontraktor utama dan kontraktor pakar perobohan. Ini bagi memastikan kerja perobohan dapat dijalankan dengan lancar dan mengelak kejadian tidak diingini. Beliau turut menyarankan kerajaan mewujudkan peraturan yang mewajibkan pakar meroboh bangunan bertauliah dilantik bagi kerja berkenaan dalam usaha mengelak kejadian seperti di bangunan Jaya Supermarket itu berulang.

Dalam hubungan ini, kita menyambut baik kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam mengenai cadangan kerajaan untuk mengkaji semula garis panduan merobohkan bangunan bagi memastikan ia lebih jelas dan dipantau semua pihak terbabit. Kerajaan sedar masalah yang timbul, sehubungan itu, perbincangan segera membabitkan agensi kerajaan, pakar akademik dan mereka yang terbabit dalam kegiatan pembinaan dan meroboh bangunan, dilakukan bagi membolehkan kaedah diambil bagi merangka undang-undang baru. Dalam pada itu, masalah yang timbul berikutan kegiatan berkenaan juga perlu diambil kira dalam peraturan baru berkenaan bagi mengelakkan mereka yang menghuni di sekitar kawasan bangunan terbabit tidak terjejas dari segi keselamatan dan keselesaan. Ini penting kerana dalam kejadian di Petaling Jaya itu, penduduk yang tinggal berhampiran bangunan dirobohkan tidak diberi maklumat terperinci mengenai proses yang dilakukan sehingga menyebabkan mereka terpaksa dipindahkan bagi mengelak kejadian tidak diingini.

2 Jun 2009 (Selasa)

Kontraktor sambilan punca projek bermasalah

LANGKAH Kementerian Kerja Raya untuk menetapkan syarat supaya kontraktor kelas F, yang mahu mendapatkan projek pembinaan kerajaan, terdiri daripada mereka yang menyertai bidang itu secara sepenuh masa bagi memastikan hasil kerja yang lebih berkualiti pada masa depan, amat dialu-alukan. Malah, kerajaan juga perlu mengetatkan lagi pengeluaran lesen kontraktor kelas F bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar mahu menjadi kontraktor diberikan permit, bukan menjadikannya sebagai kerja sampingan. Kontraktor yang menjadikan kerja itu sebagai sampingan inilah yang banyak menimbulkan masalah sehingga menyebabkan projek terbengkalai, tiada kualiti atau lebih teruk lagi, meng'alibaba'kan projek untuk mendapat keuntungan cepat dan kemudian 'berusaha' pula mendapat projek baru hingga menghimpit peluang kontraktor tulen. Statistik Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) sehingga April tahun ini menunjukkan 31,569 kontraktor kelas F yang berdaftar, satu jumlah yang agak besar. Selain menetap syarat untuk memilih kontraktor kelas F sepenuh masa, kerajaan juga mungkin perlu memberi keutamaan kepada konsortium kontraktor kelas F untuk diagihkan projek. Dengan cara ini, akan menggalakkan mereka untuk bergabung membentuk konsortium dan pada masa sama, mengecilkan lagi jumlah kontraktor kelas F yang terlalu ramai itu. Kerajaan selama ini menggalakkan kontraktor kecil menujuhkan konsortium kerana langkah itu akan memberikan mereka kekuatan untuk berdaya saing dalam pasaran global.

Langkah ini juga akan membentuk kedudukan dan keupayaan kewangan yang kukuh serta kebolehan melaksanakan sebarang projek dengan baik. Sebelum lesen kelas F diberikan, mereka juga hendaklah mengikuti modul kursus, latihan serta ujian yang bersesuaian. Ini kerana berdasarkan tinjauan melalui kursus yang dilaksanakan oleh sebuah institusi pengajian tinggi sebelum ini, lebih 60 peratus kontraktor kelas F tidak tahu membaca pelan. Bagi menggalakkan pemegang lesen kelas F mengembangkan perniagaan, mereka juga perlu meningkatkan kelas daripada kelas F ke kelas lebih tinggi iaitu E atau D. Di samping itu, kerajaan hendaklah meletakkan syarat agar mereka lebih mengutamakan tenaga kerja tempatan dalam pelaksanaan projek yang ditawarkan. Berdasarkan maklumat, hanya 17,000 daripada 40,000 kontraktor kelas F di negara ini masih aktif dan mendapat faedah daripada bantuan kerajaan. Bagi membantu lebih banyak kontraktor kelas berkenaan mendapat tawaran projek, kerajaan sebelum ini sudah mengambil inisiatif mewajibkan 10 peratus daripada nilai kontrak yang bernilai RM10 juta ke atas diagihkan kepada kontraktor kelas itu. Kita percaya dengan pelbagai insentif yang diberikan kerajaan, akan mendorong mereka untuk menjadi kontraktor kelas F sepenuh masa, bukan lagi meminjam lesen, menjadi 'ali baba' dan sebagainya.

3 Jun 2009 (Rabu)

Stadium runtuh



TINJAUAN udara menunjukkan runtuhan sebahagian bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin di Kompleks Sukan Gong Badak, Kuala Terengganu, semalam.

Bumbung tempat duduk utama termasuk Pentas Diraja ranap

KUALA TERENGGANU: Sebahagian bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin di Kompleks Sukan Gong Badak di sini, runtuh semalam menyebabkan timbul pelbagai persoalan kerana stadium bernilai RM292 juta itu baru setahun digunakan. Dalam kejadian jam 9.30 pagi itu, struktur bahagian bumbung di tempat duduk utama termasuk Pentas Diraja ranap dan menimpa sebuah kereta, tiga motosikal serta sebuah jentera berat yang diletak berhampiran kawasan itu, tetapi tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, ketika mengulas kejadian itu, mengarahkan kerajaan Terengganu melakukan siasatan segera kerana ia tidak sepatutnya berlaku berikutan stadium itu baru disiapkan dan digunakan pada Sukan Malaysia (Sukma), tahun lalu. "Hal-hal sebegini yang menyebabkan kita tidak berpuas hati... adakah kejadian itu kerana kontraktor, perunding yang tidak melakukannya dengan betul atau pihak yang mengesahkan kerja akhir tidak membuatnya secara teratur. "Ia mungkin juga disebabkan hal-hal di luar jangkaan yang kita tidak tahu," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Titian Gemilang kelima di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Stadium yang boleh memuatkan 50,000 orang itu, dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin pada 10 Mei tahun lalu dan yang pertama di Asia dibina menggunakan sistem bumbung tanpa sokongan tiang. Muhyiddin berkata, beliau memahami jika kerosakan hanya berlaku sedikit dan bukannya membabitkan keruntuhan yang teruk. Menteri Besar Terengganu, Datuk Ahmad Said, berkata kejadian itu dianggar membabitkan kerugian kira-kira RM25 juta. "Memang kita dukacita dengan kejadian ini, tetapi saya bersyukur kerana tidak ada yang cedera. Kebetulan tidak ada sebarang majlis berlangsung dan pekerja yang sedang melakukan kerja pembersihan stadium juga selamat," katanya.

Insiden itu berlaku sehari sebelum Kejohanan Sukan Staff IPTA ke-34 yang sepatutnya bermula hari ini hingga 13 Jun. Berikutnya kejadian itu, kejohanan yang dijadual

disempurnakan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin pada 5 Jun, dipindahkan ke beberapa lokasi lain. Sementara itu, seorang jurutera sebuah syarikat kejuruteraan tempatan yang mahu dikenali sebagai A Mohamed, mendakwa beliau sudah memaklumkan kepada beberapa agensi berkaitan mengenai keadaan struktur bumbung itu yang melengkung.

"Keadaannya semakin ketara sejak beberapa minggu lalu dan saya sudah membuat aduan yang disertakan gambar mengenai keadaan struktur bumbung yang terdedah kepada bahaya, tetapi tiada tindakan diambil. "Lengkungan pada struktur bumbung tanpa sokongan tiang itu dapat dilihat dari jauh dan setiap kali melihatnya saya bimbang sesuatu yang buruk akan terjadi dan kebimbangan saya menjadi kenyataan hari ini (semalam)," katanya.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Terengganu, Penguasa Kanan Bomba 1, Pauzan Ahmad, berkata runtuhan itu membabitkan bumbung sepanjang 80 meter daripada keseluruhan 134 meter di kawasan tempat duduk utama termasuk Pentas Diraja. "Kami mendapat maklumat pada jam 9.45 pagi dan tiga jentera yang bergegas ke tempat kejadian sampai tujuh minit kemudian dan terus membuat penilaian bagi memastikan tiada mangsa terperangkap dan menentukan adakah akan berlaku lagi runtuhan," katanya ditemui di tempat kejadian.

Seorang juruteknik elektrik, Hanafiah Osman, 27, pula berkata dia sedang membaiki lampu jalan di luar stadium itu apabila mendengar bunyi besi berkerut sebelum struktur bumbung berkenaan runtuh. "Keadaan ketika itu sungguh mengerikan. Walaupun sedang dalam ketakutan, saya turun dari tiang untuk cuba menyelamatkan kereta saya tetapi sudah terlambat. Rakan saya juga terpaku melihat kemusnahan itu.". Kereta Perodua Kancil milik Hanafiah yang diletak berhampiran kawasan itu ranap apabila ditimpa runtuhan bumbung itu.

INFO

Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin

- ❑ Dibina Mei 2006; siap 2008
- ❑ Kos RM292 juta
- ❑ Sebahagian daripada Kompleks Sukan Gong Badak bernilai RM500 juta
- ❑ Kapasiti 50,000 orang
- ❑ Mempunyai prasarana sukan bowling dan skuasy
- ❑ Dimajukan beberapa kontraktor tempatan; kerja pemasangan bumbung dilakukan syarikat Korea Selatan
- ❑ Stadium pertama di Asia guna sistem bumbung tanpa sokongan tiang

3 Jun 2009 (Rabu)

Perunding bebas siasat runtuhan

Oleh Anwar Hussin, Abdul Halim Yusoff, Hanneeyzah Bariah Baharin, Baharom Bakar dan Zainuddin Muhammad



KEADAAN Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin selepas bumbung runtuh.

KUALA TERENGGANU: Perunding bebas akan dilantik untuk menyiasat kejadian bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin di Kompleks Sukan Gong Badak di sini, yang runtuh pagi semalam, dan insiden itu disifatkan sebagai memalukan dan mencalar imej negara. Serentak itu, Menteri Kerjaraya, Datuk Shaziman Abu Mansor mengarahkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Jabatan Kerja Raya (JKR) membuat kajian khusus mengenai runtuhan itu dalam kadar segera. Katanya, kementeriannya juga sedia bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menjalankan sebarang siasatan jika terdapat laporan daripada mana-mana pihak bahawa wujud unsur rasuah dan salah guna kuasa sepanjang tempoh pembinaan stadium bernilai RM292 juta itu.

"Kita bersyukur tiada kemalangan atau kehilangan nyawa, tetapi ia dilihat sebagai memalukan imej negara kerana stadium ini masih baru dan belum sampai setahun serta masih dalam tempoh kecacatan. "Kerja membaiki bumbung akan dilakukan kontraktor dari Korea, tetapi imej yang terlakar adalah tidak baik untuk negara kerana menggambarkan seolah-olah kontraktor tempatan tidak berkemampuan dan berkemahiran untuk membina bangunan sedemikian rupa. "Jadi, saya akan minta CIDB dan JKR buat kajian forensik dan kementerian lantik jururunding yang mempunyai nama dan kredibiliti untuk menilai dan kaji mengapa berlakunya runtuhan bumbung stadium ini. Saya tidak mahu menudung jari mengatakan mana pihak yang salah, saya mahu tunggu laporan terperinci," katanya selepas melawat lokasi runtuhan bumbung stadium itu di sini, semalam.



SHAZIMAN (kanan) dan Ahmad meninjau keadaan Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, semalam.

Mengulas lanjut permintaan beberapa pihak yang mahukan kerjasama kementeriannya untuk mendapatkan maklumat lengkap dan terperinci berhubung pembinaan stadium berkenaan, Shaziman berkata, pihaknya sedia bekerjasama dan tidak akan menyembunyikan sebarang fakta diperlukan. "Saya tidak ada apa nak disorokkan. Apa-apa maklumat yang mereka mahu kita akan dan boleh beri. Tiada apa-apa (maklumat) pun yang kita akan sorokkan berhubung dengan pembinaan stadium ini. Bagi saya apa yang penting imej negara dan kita tidak boleh beli imej itu dengan wang ringgit," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga akan meminta CIDB supaya melihat dan mengkaji amalan terbaik yang boleh dijadikan garis panduan untuk setiap pembinaan bangunan dan infrastruktur dalam negara bermula daripada perancangan, rekaan, perundingan, pembinaan sehingga jangka hayat bangunan. "Nanti orang kata di Malaysia, bangunan yang tengah buat, ada benda jatuh sampai orang meninggal, di bangunan yang sudah siap ada bumbung jatuh, di bangunan yang diruntuhkan pun ada (orang) mati juga. Jadi, ini satu imej. Kita mesti ada satu amalan terbaik untuk prosedur pembinaan dan meruntuhkan bangunan," katanya.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Ahmad Said yang turut menyertai Shaziman melawat lokasi kejadian berkata, kerajaan negeri juga akan melantik juruperunding bebas yang mempunyai kepakaran dan pengalaman untuk meneliti punca kejadian runtuhan bumbung itu yang menyebabkan kerugian dianggarkan bernilai RM25 juta. Beliau berkata, stadium itu juga akan ditutup daripada sebarang aktiviti sehingga kerja pembaikan dan pemeriksaan lengkap selesai kelak dan segala program yang diatur berlangsung di situ terpaksa dibatalkan.

"Memang kita dukacita dengan kejadian ini, tetapi bersyukur kerana tidak ada tercedera. Kebetulan tidak ada sebarang majlis berlangsung dan pekerja yang sedang melakukan kerja pembersihan stadium juga selamat ketika runtuhan itu berlaku. "Stadium ini perlu diserahkan kepada kerajaan negeri pada November ini dan tempoh kecacatannya akan tamat dalam tempoh dua tahun. Ketika ini ia masih di bawah kendalian JKR. Selepas ini kita akan buat pemeriksaan terperinci di seluruh stadium ini dan pastikan kejadian ini tidak berulang lagi," katanya.

3 Jun 2009 (Rabu)

FAM desak wujud jawatankuasa khas



Pemandangan dari luar stadium.

KUALA LUMPUR: Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) mendesak jawatankuasa khas diwujudkan bagi menyiasat kejadian sebahagian bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, runtuh pagi semalam bagi mengelak kejadian sama berulang di stadium lain, sekali gus mengancam nyawa atlit dan penonton. Sambil menyifatkan kejadian itu sebagai menyedihkan, Ahli Majlis FAM, Datuk Seri Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar, berkata siasatan perlu dilakukan segera bagi mengenal pasti punca kejadian membabitkan stadium yang baru setahun digunakan. Katanya, pihak berkuasa yang bertanggungjawab mengawal selia semua stadium di negara ini juga perlu memulakan pemeriksaan dari pelbagai aspek bagi memastikan kemudahan itu selamat digunakan untuk sebarang kejohanan. "Amat malang sekali kerana kejadian itu membabitkan stadium baru dan saya yakin mesti ada yang tidak kena dengan struktur stadium berkenaan sehingga mudah runtuh," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas kejadian sebahagian bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin yang bernilai RM292 juta di Kompleks Sukan Gong Badak runtuh pada jam 9.30 pagi semalam. Tiada kemalangan jiwa dilaporkan tetapi runtuhan itu menyebabkan sebuah kereta dan tiga motosikal serta sebuah jentera berat yang diletakkan di sekitar stadium itu ranap. Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Kerja Raya, N Selva Nagam, berkata pihaknya sedang menyiasat punca kejadian itu. Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, Datuk Roslan Awang Chik, berkata kontraktor hanya mengikut apa saja reka pelan dan bentuk yang diluluskan pemaju kerana kontraktor bukan pakar dalam bidang reka bentuk.

3 Jun 2009 (Rabu)

Minda Pengarang: Insiden bumbung stadium runtuh undang pelbagai persoalan

INSIDEN runtuhnya sebahagian bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin bernilai RM292 juta di Kompleks Sukan Gong Badak di Kuala Terengganu, memalu dan

mengejutkan banyak pihak, apatah lagi ia baru setahun digunakan. Kebanggaan rakyat Terengganu khususnya, kerana memiliki sebuah stadium yang pertama di Asia dibina menggunakan sistem bumbung tanpa sokongan tiang, rupanya tidak lama. Bagaimanapun ini bukan kali pertama kejadian seumpama itu berlaku membabitkan stadium di negara kita meskipun saban tahun kita dengar insiden stadium runtuh berlaku di beberapa negara seperti Iran, Argentina, Brazil, United Kingdom dan sebagainya, dengan sebilangan kejadian itu membawa padah kepada penonton termasuk maut. Nasib baik ketika kejadian bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin runtuh pada jam 9.30 pagi semalam, tiada yang cedera tetapi sebuah kereta dan tiga motosikal serta sebuah jentera berat yang diletakkan di sekitar stadium itu ranap. Pada November 1995, kerangka bumbung Stadium Tertutup di Kompleks Sukan Pahang (Sukpa) di Bandar Indera Mahkota, Kuantan yang sedang dibina, runtuh menyebabkan 10 pekerja cedera, termasuk tiga parah. Stadium berharga RM12 juta itu dikhaskan bagi acara bola tampar dalam Sukan Malaysia Ke-6 pada Jun tahun berikutnya. Nyata apa yang berlaku di Gong Badak semalam, tidak mengambil iktibar daripada apa yang berlaku di negeri jiran Pahang 14 tahun lalu. Stadium dengan kapasiti 50,000 muatan itu menjadi mercu tanda Terengganu dan gelanggang bagi beberapa acara utama pada Sukan Malaysia (Sukma) 2008 dan perlawanan bola sepak Liga Super, yang pembukaannya dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin pada 10 Mei tahun lalu.

Kita mahu supaya insiden yang menyebabkan anggaran kerugian RM25 juta itu dibuat siasatan rapi bagi mengenal pasti punca sebenar. Kualiti pembinaannya menjadi tanda tanya sehingga 60 peratus struktur bahagian bumbungnya runtuh. Mujur tiada sebarang acara sukan dianjurkan ketika bumbung di kawasan pentas utama itu runtuh kerana ia mungkin menyebabkan kehilangan nyawa. Jika benar seperti dakwaan sesetengah pihak bahawa lingkungan pada struktur bumbung tanpa sokongan tiang atau space frame structure sudah dapat dilihat dari jauh dan semakin ketara sejak beberapa minggu lalu, bermakna sesuatu yang buruk bakal berlaku. Masalahnya, mengapa tiada pemeriksaan atau pemantauan dilakukan bagi mengelak kejadian pada hal tanda awal sudah wujud. Namun, ia sudah berlaku dan cara terbaik ialah memulakan siasatan, sama ada ia berpunca daripada kecuaian kontraktor, perunding atau pengurusan stadium. Tidak perlu bagi kita untuk menuding jari apabila pelbagai pihak selepas ini dijangka mengeluarkan kenyataan bagi mempertahankan diri, sebaliknya berilah kerjasama kepada pihak yang menyiasat. Kita juga berharap Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Jabatan Kerja Raya (JKR) membuat kajian khusus mengenai runtuhannya itu bagi mengelak kejadian sama berulang.

5 Jun 2009 (Jumaat)

Utara: Menara kawalan terabai tunggu masa runtuh

Oleh Adha Ghazali adha@bharian.com.my



MENARA kawalan setinggi sembilan meter di Pos Padang Cina, Bukit Batu Putih, Kuala Perlis, dikesan tidak selamat.

KUALA PERLIS: Kawasan sempadan Malaysia-Thailand Bukit Batu Puteh, di sini, yang dikenal pasti menjadi antara lokasi utama aktiviti penyeludupan dikesan terbiar tanpa pengawasan rapi sehingga menyebabkan ia mudah dibolosi penyeludup. Ini terbukti apabila tinjauan di sekitar lokasi mendapati kawasan terbabit mula ditumbuhinya semak samun tebal, seolah-olah sudah lama tidak diselenggara, sekali gus memudahkan sindiket penyeludupan untuk bergiat. Selain itu, tiga menara kawalan yang dibina di kawasan berkenaan yang bersempadan dengan Wilayah Satun di Thailand, juga dilihat seolah-olah langsung tidak diselenggara, termasuk satu daripadanya yang tidak lagi selamat untuk digunakan.

Ini kerana, struktur menara kawalan di Pos Padang Cina yang dikatakan dibina sejak 10 tahun lalu itu dilihat mula mengalami keretakan teruk, terutama pada tiangnya sehingga menampakkan besi pada bahagian dalam. Malah, wartawan Berita Harian sendiri yang cuba menaiki menara setinggi hampir sembilan meter itu terpaksa bergegas turun apabila struktur terbabit mula bergoyang, seolah-olah menunggu masa untuk runtuh. Seorang penduduk, Shahidan Mohamad, 45, ketika ditemui berkata keadaan kawasan terbabit yang tidak terurus menimbulkan kerisauan banyak pihak terutama penduduk sekitar yang khuatir lokasi terbabit dijadikan sarang penyeludup. Katanya, lokasi terbabit sebenarnya sudah lama terbiar tanpa diselenggara, sehingga menyebabkan ia mula dipenuhi belukar. "Jika dilihat hanya sebahagian kecil belukar dibersihkan baru-baru ini untuk menyambut kehadiran Gabenor Satun yang mahu meninjau lokasi terbabit. Jika tidak pasti ia dipenuhi semak tebal dan lebih merimaskan.",



TIANG konkrit menara kawalan ini sudah pecah menyebabkan struktur bagunan setinggi sembilan meter itu tidak kukuh dan boleh runtuh.

Kewujudan kawasan Bukit Batu Puteh sebagai laluan penyeludupan terbukti apabila pihak berkuasa menggagalkan pelbagai cubaan sindiket. Paling penting pada 2004 lalu, sejumlah dadah jenis heroin dan candu mentah bernilai hampir RM100,000 serta dua senjata api berjaya dirampas dalam satu operasi di sekitar lokasi terbabit. Malah, bekas Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar, ketika melakukan lawatan ke kawasan terbabit tahun lalu turut mendedahkan kegiatan penyeludupan manusia di situ. Sehubungan itu, Gabenor Satun, Sumeth C Vanitkul, baru-baru ini mengetuai rombongan dari negara jiran ke Perlis dan sempat meluangkan masa meninjau lokasi sekitar pos sempadan Bukit Batu Putih.

Malah, pihak Thailand sendiri mencadangkan supaya sebuah terowong dibina menembusi bukit batu kapur yang memisahkan Perlis-Satun, sebagai alternatif kepada cadangan membina Lebuh Raya Kuala Perlis-Satun yang dipersetujui bersama kedua-dua pihak sebelum ini. Untuk rekod, pembinaan Lebuh Raya Kuala-Perlis sudah dipersetujui dan pembinaannya sudah dimulakan pihak Malaysia sebagai alternatif mengelak lokasi berkenaan dijadikan sarang penyeludupan. Bagaimanapun penyambungan di sebelah Thailand masih belum berjalan sehingga kini.

6 Jun 2009 (Sabtu)

Sabah & Sarawak: Waspada penipuan pengeluaran wang KWSP

KUCHING: Penduduk Sarawak terutama pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang sedang berhadapan dengan kesempitan wang perlu berhati-hati dengan kehadiran sindiket penipuan pengeluaran simpanan mereka di KWSP. Ini berikutan KWSP Sarawak baru-baru ini, mengesan beberapa kes penipuan dan cubaan untuk menipu pengeluaran simpanan KWSP. Pengurus Kanan Perhubungan Awamnya, Nik Affendi Jaafar, berkata hasil siasatan pihaknya setakat ini mendapati kes itu membabitkan pembayaran sejumlah besar wang daripada simpanan ahli sebagai komisen kepada pihak ketiga yang tidak bertanggungjawab.

Beliau berkata, sindiket penipuan itu yang menggunakan modus operandi yang sama mensasarkan ahli terdesak dan kesempitan wang. Katanya, pencarum akan dipujuk untuk menyerahkan dokumen peribadi mereka seperti salinan kad pengenalan, penyata akaun bank dan kad ATM sebagai sebahagian daripada syarat untuk menipu pengeluaran KWSP. "Pencarum akan dipengaruhi ahli sindiket penipu itu dengan mendakwa mereka boleh membantu mengeluarkan simpanan KWSP di bawah pengeluaran perumahan, pendidikan dan kesihatan. "Pencarum yang ingin memohon membuat pengeluaran KWSP tidak perlu mendapatkan bantuan daripada pihak ketiga sebaliknya berurusan terus dengan KWSP yang memberikan perkhidmatan percuma," katanya kepada Berita Harian, di sini, semalam.

Nik Affendi berkata KWSP juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang di bawah Seksyen 59, Akta KWSP 1991 terhadap individu yang terbukti melakukan kesalahan. Beliau berkata, mereka yang sabit kesalahan mengikut akta itu boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda RM10,000 atau kedua-

duanya sekali. Katanya, bagi ahli yang disabitkan kesalahan tetapi memulangkan wang yang dikeluarkan kepada KWSP dalam tempoh enam bulan dari tarikh sabitan, hanya dibenarkan membuat permohonan di bawah pengeluaran yang sama selepas tempoh dua tahun dari tarikh wang tersebut dipulangkan. "Bagi ahli yang tidak memulangkan wang berkenaan pula, mereka akan kehilangan hak membuat pengeluaran yang sama untuk selama-lamanya," katanya.

Beliau juga berkata, dalam empat bulan pertama tahun ini, KWSP Sarawak berjaya mengesan 5 kes percubaan menipu KWSP mengikut Seksyen 58A Akta KWSP 1991 atas kesalahan menggunakan wang yang dikeluarkan di bawah pengeluaran mengurangkan/menyehlesaikan baki pinjaman perumahan bagi tujuan lain serta gagal mengembalikan wang pengeluaran tersebut kepada KWSP dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh pengeluaran diluluskan. Katanya, 12 lagi kes dikesan mengikut Seksyen 59 (a) Akta KWSP 1991 bagi kesalahan membuat dan mengemukakan borang permohonan serta dokumen sokongan yang mengandungi maklumat palsu bagi Pengeluaran Membeli Rumah.

6 Jun 2009 (Sabtu)

Sabah & Sarawak: Pengasah mahu kemuka isu e-diesel kepada PM

KOTA KINABALU: Persatuan Nelayan Negeri Sabah (Pengasah) akan membawa isu keengganan kerajaan Sabah menyokong cadangan persatuan itu mengurus tadbir perniagaan pembekal dan peruncit subsidi diesel (e-diesel) dan petrol (e-petrol) nelayan di seluruh negeri kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak tidak lama lagi demi kepentingan 15,000 nelayan kecil Bumiputera. Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Abdul Rahim Ismail, berkata beliau dimaklumkan mengenai perkara itu oleh Pengerusi Pengasah, Madrah Talih, kelmarin. "Ketika ini perniagaan itu diurus Koperasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan) iaitu agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan negeri," katanya pada siang media selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Pengasah di sini, kelmarin.

Hadir sama Pendaftar Persatuan Nelayan Malaysia, Sa'adom Abdul Wahab. Abdul Rahim berkata, perniagaan e-diesel dan e-petrol sepatutnya boleh ditadbir urus Pengasah berikutan kelemahan Ko-Nelayan mengurusnya sehingga ramai nelayan tidak mendapat kemudahan itu terutama nelayan kecil Bumiputera hidup miskin yang beroperasi di pesisir pantai. Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pantai Manis, berkata isu itu pernah dibahasnya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah sembilan bulan lalu dan tidak mendapat persetujuan kerajaan negeri. "Sepatutnya Pengasah diberi peluang mengurus penyaluran subsidi itu kerana mereka lebih mengenali dan memahami nasib nelayan berbanding Ko-Nelayan.

"Ketika subsidi e-diesel dan e-petrol diperkenalkan pada 1 Jun 2006 mungkin mereka tidak mampu mengurusnya dan diserahkan kepada Ko-Nelayan tetapi kini keadaan sudah berubah dan Pengasah boleh menjadi pembekal dan peruncit bahan bakar itu. "Saya

menyokong usaha persatuan itu untuk membawa isu berkenaan kepada Perdana Menteri, namun sebelum itu ia perlu dibincangkan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan agensi berkaitan penyaluran subsidi berkenaan seperti LKIM," katanya.

Abdul Rahim memberi contoh, penyaluran e-diesel dan e-petrol berjalan lancar di Semenanjung kerana ditadbir urus Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) sehingga ramai nelayan hidup kaya berbanding di Sabah yang hidup miskin. Beliau turut mengumumkan, LKIM Sabah menerima peruntukan RM20 juta tahun ini untuk menjayakan pelbagai projek meliputi infrastruktur perikanan, dana nelayan dan transformasi perikanan. Terdahulu, Jamrah menyuarakan ketidakpuasan hati persatuan mewakili 15,000 nelayan kecil di seluruh Sabah itu kerana kegagalan mereka menikmati e-diesel dan e-petrol yang ditadbir urus Ko-Nelayan. "Kami hairan kenapa kerajaan negeri tidak menyokong usaha Pengasah sedangkan ia untuk kebaikan nelayan terutama nelayan kecil Bumiputera," katanya.

6 Jun 2009 (Sabtu)

Syor wajib periksa bangunan 2 tahun sekali

ALOR SETAR: Persatuan Alumni Perumahan, Bangunan dan Perancangan Universiti Sains Malaysia (USM) mencadangkan supaya kerajaan mewajibkan pemeriksaan bangunan dua tahun sekali. Presidennya, Mohd Fathi Abdul Rahman, berkata pemeriksaan secara kerap membolehkan sebarang kerosakan dan keretakan sesebuah bangunan dapat dikesan awal, sekali gus dapat mengelakkan kejadian lebih buruk daripada berlaku. "Sebelum apa-apa perkara yang lebih buruk berlaku, lebih baik kita mencegah ia terjadi dengan melaksanakan kaedah seperti pemeriksaan ini," katanya.

Mohd Fathi berkata, pemeriksaan bangunan perlulah dilakukan oleh golongan profesional seperti juruukur bangunan yang bertauliah. "Kita mempunyai ramai juruukur profesional yang bernaung di bawah Institut Ukur Malaysia (ISM) dan kepakaran mereka boleh membantu memastikan bangunan di negara ini selamat digunakan," katanya.

Selasa lalu, hampir 60 peratus struktur bumbung utama Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin di Kuala Terengganu yang dirasmikan pada 10 Mei tahun lalu, runtuh. Menteri Kerjaraya, Datuk Shaziman Abu Mansor menyifatkan kejadian yang berlaku di stadium berharga RM270 juta itu amat memalukan negara. – Bernama.

6 Jun 2009 (Sabtu)

Laporan stadium runtuh enam bulan

Oleh Norliza Wasilan norlizawasilan@bharian.com.my



SHAZIMAN memantau kerja baik pulih pemendapan di Sekolah Menengah Kebangsaan Setapak Indah, semalam.

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa penyiasat bebas dianggotai 10 pakar yang menyiasat kejadian bumbung runtuh di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Selasa lalu akan menyediakan laporan awal dalam tempoh sebulan. Menteri Kerjaraya, Datuk Shaziman Abu Mansor, berkata jawatankuasa itu yang ditubuhkan semalam diberi kuasa melantik perunding dan akan melaporkan hasil siasatan setiap bulan, manakala laporan lengkap perlu dikemukakan kepada kementerian dalam masa enam bulan. Katanya, jawatankuasa itu terdiri daripada mereka yang ada kewibawaan dalam industri pembinaan di negara ini dan badan bebas serta boleh bagi pandangan mengapa berlakunya runtuhan bumbung di stadium berkenaan. "Kita juga meminta jawatankuasa ini mengemukakan laporan awal walaupun kita minta laporan lengkap dalam masa enam bulan, (tetapi) saya yakin mereka dapat menyelesaikan penyiasatan lebih awal mungkin empat atau lima bulan lebih awal. "Jawatankuasa ini ditubuhkan bukannya bertindak sebagai hakim dan mencari salah siapa berhubung insiden keruntuhan bumbung berkenaan," katanya selepas meninjau masalah pemendapan tanah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Setapak Indah di sini, semalam.

Pada 2 Jun lalu, sebahagian bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin runtuh dan kerugian dianggarkan mencecah RM25 juta. Stadium yang boleh memuatkan 50,000 orang itu dirasmikan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin pada 10 Mei lalu dan yang pertama di Asia dibina menggunakan sistem bumbung tanpa sokongan tiang. Anggota jawatankuasa itu terdiri wakil dari Institut Jurutera Struktur Binaan Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia, Institut Jurutera Malaysia, Persatuan Struktur Keluli Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia, Institut Jurutera Struktur Malaysia, Jabatan Audit Negara, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Institut Pengajian Tinggi Malaysia dan wakil Jabatan Peguam Negara. Mengenai tinjauan keduanya di SMK Setapak Indah selepas lawatan bersama Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini, Shaziman berkata, tempoh pemulihan masalah sekolah berkenaan yang mulai berdepan masalah mendapan sejak 2004 akan selesai September ini. Katanya, kos pemulihan bagi sekolah berkenaan dianggarkan bernilai RM2 juta, bagaimanapun tidak menolak kemungkinan akan berbincang dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kewangan bagi membolehkan membahik pulih keseluruhan sekolah yang juga tanah bekas lombong itu dilakukan. Mengenai struktur sekolah berkenaan, Shaziman memberi jaminan bangunan itu berada dalam selamat dan ibu bapa disarankan tidak bimbang dengan perkara itu kerana kerajaan akan membantu menyelesaikan masalah berkenaan.

7 Jun 2009 (Ahad)

'Seri Paduka sedih stadium runtuh'

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin hanneeyzah@bharian.com.my



AHMAD membuat lawatan mengejut di premis gerai makanan di Pusat Akuatik MBKT di Batu Burok, Kuala Terengganu, semalam.

MB sedia dedah hasil siasatan jika ada kepincangan prosedur pembinaan

KUALA TERENGGANU: Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dukacita dengan kejadian runtuh sebahagian bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin (SSMZA), di Kompleks Sukan Gong Badak di sini, lalu. Menteri Besar, Datuk Ahmad Said, berkata baginda melahirkan perasaan itu ketika dimaklumkan mengenai insiden yang dianggar membabitkan kerugian RM25 juta itu pada hari kejadian. Beliau berkata, Seri Paduka juga dimaklumkan susulan perkembangan semasa kejadian itu berserta gambar runtuhan berkenaan. "Baginda memang sedih dan dukacita dengan kejadian itu," katanya selepas meninjau operasi trafik dan membanteras samseng jalanan di Jalan Sultan Mohammad di sini, kelmarin. Hadir sama Ketua Polis Negeri, Datuk Mohd Shukri Dahlan. Dalam kejadian kira-kira jam 9.30 pagi, Selasa lalu, bumbung di bahagian timur stadium bernilai RM292 juta, yang perasmianya disempurnakan Yang di-Pertuan Agong pada 10 Mei tahun lalu, runtuh.

Stadium berkapasiti 50,000 penonton itu adalah yang pertama di Asia dibina menggunakan sistem bumbung tanpa sokongan tiang atau 'space frame'. Ditanya mengenai perkembangan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung tragedi itu, beliau berkata, pihaknya tiada maklumat mengenainya, bagaimanapun sentiasa bersedia dan bersikap terbuka membantu siasatan suruhanjaya itu. "Saya tidak tahu lagi (perkembangan) setakat ini. SPRM belum menghubungi saya lagi, tetapi tidak tahulah siasatan Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri bagaimana. Kita serahkan sepenuhnya kepada SPRM menyiasat berdasarkan peruntukan undang-undang untuk mengenal pasti setiap kelemahan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri bersedia mendedahkan kepada umum hasil siasatan pihak berkuasa jika berlaku kepincangan dalam prosedur pembinaan dan penyelenggaraan prasarana awam itu. Sementara itu, Ahmad yang mengadakan lawatan mengejut ke Pusat Akuatik Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT), di Batu Burok di sini, menyuarakan kekecewaannya terhadap JKR negeri, yang mengambil mudah aspek pembinaan dan

penyelenggaraan prasarana itu sehingga boleh menjelaskan keselamatan orang ramai. "Saya memang tidak berpuas hati dan sangat kecewa dengan JKR negeri. JKR (bertanggungjawab) mengawasi sesuatu projek, tetapi tiada pegawai yang datang. Sepatutnya kena lantik pegawai datang masa pembinaan. Jangan lepas tangan. Jangan ambil mudah lepaskan projek pada kontraktor, tetapi tidak buat pemantauan dan pemeriksaan susulan. "Saya harap mereka dapat terima teguran ini secara positif," katanya yang tidak berpuas hati dengan rekaan kolam renang itu.

9 Jun 2009 (Selasa)

Bekas Exco sedia disiasat SPRM kes stadium runtuh

Oleh Shaarani Ismail dan Noor Aznida Alias bhkt@bharian.com.my

KUALA TERENGGANU: Bekas Exco Kerajaan Negeri, Datuk Wan Hisham Wan Salleh, sedia disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kejadian bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin (SSMZA) runtuh, 2 Jun lalu. Bekas Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Komunikasi negeri itu bagaimanapun berkata, semua pihak tidak harus menuding jari dan menuduh wujud unsur penyelewengan hanya kerana projek itu dilaksanakan ketika pentadbiran bekas Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh.

"Saya bersedia disiasat sekiranya hasil siasatan nanti menunjukkan insiden ini berlaku disebabkan penyelewengan membabitkan bekas Exco termasuk saya sendiri. Bagaimanapun, kita tunggu hasil siasatan dulu... kemudian baru buat rumusan. "Bagi saya, insiden yang berlaku di stadium itu satu daripada beberapa insiden lain, tetapi sebelum ini ia tidak pernah ditimbulkan," katanya kepada Berita Harian semalam, mengulas dakwaan sesetengah pihak yang menyalahkan bekas Exco di bawah kepimpinan Idris atas insiden itu. Sementara itu, tinjauan Berita Harian di Stadium Tertutup bersebelahan SSMZA di Kompleks Sukan Negeri di Gong Badak mendapati beberapa kesan retakan di stadium itu.

Keretakan itu dikesan pada laluan utama kenamaan berhampiran foyer stadium yang dikhuatiri akan menjadi lebih teruk jika langkah segera tidak diambil. Bagaimanapun, Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri, Datuk Abdul Rahim Mohd Said, ketika dihubungi enggan mengulas kerana belum menerima laporan berhubung keretakan atau kebocoran di Stadium Tertutup. "Saya tidak menerima sebarang laporan daripada Jabatan Kerja Raya mahupun pengurusan stadium berhubung kebocoran mahu pun keretakan yang didakwa berlaku," katanya.

Tinjauan di Pusat Akuatik, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Batu Burok pula mendapati aktiviti di situ berjalan seperti biasa walaupun ada dakwaan tempat itu mengalami kebocoran seperti dilaporkan media baru-baru ini.

9 Jun 2009 (Selasa)

Sentral: Pejabat agensi pelancongan kutip RM336,000 disita

SEREMBAN: Pejabat agensi pelancongan yang didakwa menipu orang ramai dengan mengutip kira-kira RM336,000 daripada pakej mengerjakan umrah yang ditawarkan diserbu dan disita pegawai Kementerian Pelancongan, tengah hari semalam. Difahamkan, tindakan itu dilakukan selepas siasatan yang dijalankan mengikut Akta Industri Pelancongan 1992 mendapati pejabat yang terletak di Dataran Senawang, dekat sini beroperasi secara haram.

Pegawai terbabit dikatakan turut merampas beberapa dokumen, selain turut menampal notis perintah tutup di pintu pejabat serta menurunkan papan iklan yang dipasang di luar pejabat agensi berkenaan. Kelmarin, jurucakap Bahagian Pelesenan Kementerian Pelancongan berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan terhadap agensi itu, terutama menyiasat status sebenar agensi itu sama ada beroperasi secara sah atau haram. Ia susulan dakwaan sepasang kembar, Nor Baiti Mohamad dan Nor Baini, 55, yang disiarkan akhbar ini Ahad lalu, mendakwa ditipu agensi itu yang menawarkan pakej mengerjakan umrah.

Nor Baiti mendakwa agensi itu dianggarkan mengutip RM336,000 daripada 80 pelanggan dengan bayaran yang dikenakan setiap seorang RM4,200, manakala dirinya dan kembarnya bersama sembilan orang ahli keluarga membayar sebanyak RM37,800. Bagaimanapun, hajat mereka untuk mengerjakan umrah seperti yang dijadualkan pada 10 April lalu tidak tercapai apabila agensi itu menunda beberapa kali jadual penerangan dengan pelbagai alasan hingga mereka kemudian memutuskan menarik diri.

12 Jun 2009 (Jumaat)

Hanya kontraktor miliki sijil ISO layak dapat projek

Oleh S Anand Kumar anand@bharian.com.my

Kementerian Kerjaraya mahu tingkat kualiti pembinaan

KUALA LUMPUR: Kontraktor yang mematuhi piawaian pembinaan, kod etika kontraktor dan memiliki sijil ISO saja layak mendapat projek Kementerian Kerjaraya dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), kata Menteri Kerjaraya, Datuk Shaziman Abu Mansor. Beliau berkata, langkah itu diambil dalam usaha meningkatkan kualiti pembinaan negara selain memastikan segala projek yang dirancang berjalan lancar tanpa gangguan. Katanya, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) bertanggungjawab menentukan firma kontraktor berintegriti tinggi dan perlu mengambil tindakan membatalkan pendaftaran firma serta kontraktor yang terbukti mengabaikan aspek itu.

"CIDB juga harus memperketatkan kriteria pendaftaran kontraktor berdasarkan keperluan dan keupayaan mereka dalam usaha melahirkan kontraktor berkaliber, yang mengutamakan kualiti dan tidak mengabaikan kepentingan sosial seperti keselamatan pekerja dan kesihatan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. "Perkara ini akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri dalam tempoh terdekat untuk kelulusan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Integriti Industri Pembinaan di Pusat Konvensyen CIDB, di sini, semalam.

Sementara itu, Shaziman berkata, Jabatan Kerja Raya, Pusat Khidmat Kontraktor, CIDB dan persatuan kontraktor akan berbincang bagi mengenal pasti kontraktor yang tidak aktif selain menunggu 'nasib' untuk mendapat peluang projek daripada sejumlah 63,000 kontraktor berdaftar dengan CIDB. Bercakap mengenai kejadian runtuhan bangunan Jaya Supermarket di Petaling Jaya dan insiden bumbung runtuh di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Shaziman berkata, insiden terbabit mencemarkan imej industri pembinaan negara pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

Kejadian itu, katanya, menjelaskan kepercayaan negara lain yang selama ini banyak menawarkan kerja kepada syarikat pembinaan tempatan di Qatar, India, Libya dan Timur Tengah. Dalam pada itu, Shaziman berkata, CIDB sehingga kini sudah melatih 40,000 tenaga kerja mahir tempatan dalam industri pembinaan dalam usaha mengurangkan kebergantungan pekerja asing.

"CIDB dalam tempoh setahun ini akan melatih 100,000 tenaga kerja mahir tempatan dalam usaha mengurangkan kebergantungan terhadap kira-kira 600,000 pekerja asing yang sedang bekerja di negara ini dalam sektor pembinaan, yang mana separuh daripadanya dipercayai pendatang

12 Jun 2009 (Jumaat)

Projek baru wajar dapat jaminan KPI

Oleh Norakmah Mat Youb norakmah@bharian.com.my

GEORGETOWN: Semua projek pembangunan baru wajar mendapatkan jaminan tahap keselamatan sebelum dilaksanakan bagi memastikan masalah seperti keretakan yang berlaku di jejambat Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) tidak berulang. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata selain itu, projek yang bakal dibangunkan juga perlu ada Indeks Prestasi Utama (KPI) untuk mengelak berlaku runtuhan dan retakan. "Pelaksanaan KPI dapat mengelakkan kejadian seumpama itu berulang. Membina bangunan yang tidak terjamin keselamatan adalah satu kesalahan jenayah," katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas majlis perasmian Buku Peringatan Ulang Tahun Ke-20 Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) yang disempurnakan bekas Ketua Menteri, Tun Dr Lim Chong Eu di sini, semalam. Turut hadir Presiden PSDC, Datuk Dr

Mohd Sofi Osman. Semalam, akhbar melaporkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan beberapa pengarah syarikat kerana disyaki menerima rasuah ketika pelaksanaan projek pembinaan MRR2 yang menimbulkan kontroversi berku-tan mengalami keretakan.

Mereka termasuk tiga bergelar 'Datuk', juga pengarah syarikat yang mendapat tawaran untuk membina Pakej 11 MRR2 yang bernilai RM238.8 juta, iaitu bahagian yang banyak menimbulkan masalah kerana mengalami keretakan itu. Selain daripada projek MRR2, sebahagian bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin di Gong Badak, Terengganu, yang berharga RM270 juta, runtuh, minggu lalu, turut mencetuskan kontroversi. Mengulas lanjut, Koh berkata, kerajaan memandang serius jika benar berlaku penyelewengan ketika proses pembinaan bangunan termasuk MRR2. "Kerajaan sedia bekerjasama bagi memastikan insiden bangunan runtuh dan jejambat retak tidak berulang kerana ia membabitkan nyawa pengguna," katanya.

Sehubungan itu, beliau yang juga Presiden Gerakan berkata, SPM perlu bertindak tegas tanpa mengira bulu terutama jika isu berkenaan membabitkan keselamatan orang ramai. "Kerajaan sudah mengagak sesuatu yang tidak kena berikutan insiden itu. Justeru, siasatan perlu dilakukan sehingga akar umbi supaya mereka yang terbabit dibawa ke muka pengadilan," katanya.

12 Jun 2009 (Jumaat)

KPDNHEP tukar nama

KUANTAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kini dikenali sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, kata Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Pertukaran nama itu berkuatkuasa serta-merta selepas Kabinet meluluskan penggunaan nama baru itu, kelmarin. Kementerian itu juga akan menukar logo dan kepala surat rasmi secara berperingkat. Ismail Sabri berkata, perubahan nama itu berikutan beberapa agensi berkaitan koperasi sebelum ini diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, kini diletakkan di bawah kementeriannya.

Beliau berkata, keputusan itu juga menunjukkan kerajaan mengiktiraf gerakan koperasi di negara ini serta memberi komitmen tinggi untuk memperkasakan organisasi itu sebagai satu entiti perniagaan yang mampu menjana ekonomi dan pembangunan sosial negara. "Kementerian mensasarkan pencapaian sumbangan koperasi sebanyak lima peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan perolehan pendapatan RM10 bilion pada 2012. "Ketika ini, terdapat 6,084 koperasi berdaftar di seluruh negara dengan 6.5 juta ahli, yang menyumbang satu peratus kepada KDNK serta memiliki aset bernilai RM55.7 bilion dan perolehan pendapatan RM6.5 bilion," katanya selepas melancarkan Koperasi Bela Rakyat (Kobera) peringkat negeri, di sini, semalam.

Ismail Sabri juga berkata, kementerian itu turut mensasarkan bilangan koperasi ditambah kepada 10,000 pada 2012 dengan purata pusingan perniagaan tahunan sehingga RM1.5 juta setahun bagi setiap koperasi. "Kementerian juga sedang mengatur pelbagai usaha bagi menggalakkan koperasi terbabit secara aktif dalam pelbagai aktiviti ekonomi, termasuk bidang pemborongan, peruncitan, perkhidmatan dan pertanian serta meningkatkan kerjasama antara lebih 600 koperasi besar dan berdaya maju bagi membimbing koperasi kecil," katanya.

Mengenai Kobera, Ismail Sabri berkata, SKM akan menempatkan seorang pengurus daripada lepasan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) bagi membantu koperasi itu yang ditubuhkan khusus untuk membantu golongan miskin memulakan projek perniagaan dan menjana pendapatan. Beliau berkata, gaji dan elaun pengurus itu akan ditanggung SKM selama enam bulan dan pada masa sama pengurus berkenaan akan melatih serta mendidik ahli koperasi untuk melaksanakan projek yang sudah dirancang.

13 Jun 2009 (Sabtu)

Sentral: Akta berkait salah guna kuasa akan diperkenal

Oleh Hanisah Selamat nisa@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Wilayah Persekutuan akan memperkenalkan akta berkaitan penyalahgunaan kuasa bagi memantau kakitangan di bawah kementerian itu supaya lebih telus dalam menjalankan tanggungjawab diamanahkan. Menterinya, Datuk Raja Nong Chik Zainal Abidin, berkata akta sama yang sudah diguna pakai di beberapa negara Barat atau dikenali sebagai 'Wisel Blower Act' ternyata berkesan dalam mengekang perbuatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa dikalangan penjawat awam. "Pengenalan akta ini tidak bermakna kementerian dan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang bernaung di bawahnya dibelenggu korupsi sebaliknya ia dilihat antara usaha memantapkan lagi sistem penyampaian serta pentadbiran agensi ini. "Malah kewujudan akta ini juga membantu memastikan kepentingan orang awam terus dilindungi selain menggalakkan rakyat membuat aduan secara langsung sekiranya berdepan dengan masalah ketidaktelusan penjawat awam," katanya.

Beliau berkata demikian selepas sesi dialog bersama wakil Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang diadakan di Menara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini, baru-baru ini. Hadir sama Ketua Pengarah DBKL, Datuk Salleh Yusup. Pada sesi dialog itu, kira-kira 100 wakil NGO daripada pelbagai sektor berpeluang mengemukakan isu untuk dipertimbangkan pihak kementerian termasuk DBKL meliputi pemberian lesen, tapak gerai, warga asing, kontrak, penguatkuasaan dan salah guna kuasa. Sesi yang berlangsung kira-kira tiga jam itu bagaimanapun tidak mendapat kata putus terutama membabitkan isu permohonan 10,000 lesen peniaga kecil yang tertangguh sejak beberapa tahun lalu apabila ia perlu diperhalusi sebelum diputuskan.

15 Jun 2009 (Isnin)

Jawatankuasa kaji impak terhadap sektor pertanian

Oleh Zatul Iffah Zolkiply bhnews@bharian.com.my



KEADAAN jerebu di Jalan Ampang-Hulu Langat jam 1.30 tengah hari semalam, walaupun hujan turun sehari sebelumnya.

Elak kerugian besar jika El Nino melanda

LUMUT: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menubuhkan satu jawatankuasa khas sebagai persediaan untuk menghadapi cuaca panas luar biasa atau fenomena 'El Nino' yang dijangka memberi impak negatif kepada petani, penternak dan nelayan seluruh negara. Menterinya, Datuk Noh Omar, berkata jawatankuasa itu yang akan dipengerusikan ketua setiausaha kementeriannya dianggotai semua jabatan dan agensi di bawahnya selain pakar fenomena peningkatan suhu melampau yang boleh menjelaskan hasil pertanian negara. "Melalui jawatankuasa ini, kita akan mencari jalan penyelesaian terbaik untuk membantu rakyat seperti mengenal pasti contoh tanaman yang sesuai ditanam atau sebaliknya ketika fenomena itu berlaku.

"Jawatankuasa ini akan mula bermesyuarat dan mengadakan perbincangan minggu depan. Bagaimanapun, semua keputusan yang dicapai jawatankuasa itu nanti akan dibentangkan kepada Kabinet terlebih dulu sebelum dilaksanakan," katanya selepas Sesi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di Swiss Garden Golf Resort & Spa dekat sini, kelmarin. Noh berkata, penubuhan jawatankuasa itu dapat membantu rakyat membuat persediaan awal sekali gus mengelak mengalami kerugian besar ketika 'El Nino' melanda negara kelak, sama seperti tindakan diambil tiga tahun lalu apabila jawatankuasa serupa ditubuhkan sewaktu negara berhadapan dengan fenomena sama.

"Kementerian perlu sentiasa bersedia menghadapi sebarang situasi dan masalah seterusnya mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan masalah rakyat. "Oleh itu, penubuhan jawatankuasa ini dilihat sebagai inisiatif kementerian untuk membantu rakyat walaupun jika fenomena 'El Nino' tidak berlaku," katanya.

17 Jun 2009 (Rabu)

Timur: Kada saran petani pelbagaikan pertanian

BACHOK: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) menggalakkan petani dalam kawasan agensi itu supaya mengusahakan pelbagai tanaman, selain padi bagi meningkatkan sumber pendapatan mereka. Pengurus Besar Kada, Ibrahim Mat, berkata kemudahan disediakan agensi itu termasuk saliran dan infrastruktur seharusnya membuka banyak peluang kepada petani mempelbagaikan jenis tanaman.

Beliau berkata, peluang mengusahakan tanaman jangka pendek termasuk tembikai, mampu menambah pendapatan isi keluarga, sekali gus menjana pertumbuhan ekonomi penduduk di kawasan agensi itu. Sebagai bukti, katanya, kejayaan seramai 120 peserta yang menyertai projek tanaman tembikai secara berkelompok di Kampung Bakong, dekat sini, memperoleh pendapatan sampingan yang sangat menggalakkan.

"Kada berbangga melihat keupayaan 120 peserta di Kampung Bakong yang berjaya mengusahakan projek tanaman secara berkelompok di kawasan seluas 160 hektar dan mereka juga mampu memasarkan hasil pertanian ke Singapura dan Taiwan. "Kejayaan ini menunjukkan peserta terbabit memanfaatkan kemudahan yang disediakan Kada bagi membebaskan mereka dari belenggu kemiskinan dan menjadi usahawan tani berjaya," katanya kepada Berita Harian, di sini. Ibrahim berkata, projek tanaman tembikai secara kelompok itu berjaya menghasilkan pendapatan kasar sehingga RM20,000 semusim dengan dua kali penanaman setahun.

17 Jun 2009 (Rabu)

Utara: Premis pasar tani kekal terbiar

Oleh Rahmat Othman bhnews@bharian.com.my

Peniaga dakwa bangunan tertutup kurang sambutan berbanding tapak lama

GUAR CHEMPEDAK: Bangunan kekal Pasar Tani Guar Chempedak di sini, berharga kira-kira RM3.5 juta dan baru dibuka tidak mendapat sambutan, menyebabkan hampir 100 peniaga gulung tikar. Tinjauan Berita Harian mendapati Pasar Tani dalam bangunan tertutup yang dibuka April lalu kini hanya tinggal meja kosong dan sunyi. Ramai peniaga di sekitar pekan ini mendakwa kawasan berkenaan tidak strategik kerana kedudukannya agak jauh daripada tumpuan orang ramai, selain konsep bangunan tertutup menghalang penglihatan pelanggan dari luar.

Peniaga buah, Said Hamid, 44, mendakwa beliau hanya bermiaga beberapa hari di situ selepas pelancarannya lebih dua bulan lalu kerana tidak mahu menanggung kerugian apabila tiada pelanggan. "Saya terpaksa berpindah ke tapak lama di tepi jalan bagi mengelak kerugian teruk kerana ketiadaan pelanggan di situ. "Jika keadaan ini berterusan, bangunan itu akan menjadi projek 'gajah putih' kerana terbiar," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Said berkata, bangunan itu tidak sesuai kerana terlindung selain lokasinya agak jauh dari pekan ini. "Pelanggan mungkin tidak biasa dengan konsep Pasar Tani tertutup kerana mereka lebih gemar berkunjung di kawasan jualan terbuka seperti Pasar Tani di tempat lain. "Ketika berniaga di tepi jalan dulu jualan saya boleh mencecah RM500 sehari, tetapi di bangunan Pasar Tani ini jualan tidak sampai RM100," katanya.

Seorang lagi peniaga yang enggan dikenali mendakwa, bangunan yang cantik dan lengkap dengan pelbagai kemudahan tidak akan memberi manfaat jika ramai peniaga masih menjual hasil di tepi jalan. "Ramai yang masih berniaga di pasar dan di tepi jalan menyebabkan Pasar Tani di bangunan kekal ini tidak mendapat sambutan. "Pihak berkuasa seharusnya melakukan sesuatu supaya masalah itu dapat diatasi segera," katanya.

Sementara itu, Pengurus Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Datuk Badruldin Amirul din ketika dihubungi berkata, beberapa perubahan akan dilakukan terhadap bangunan itu bagi memudahkan peniaga di situ. "Kita akan mengubah suai beberapa bahagian bangunan itu dalam masa terdekat supaya peniaga dapat berniaga di situ dengan sempurna," katanya.

Beliau berkata, pasar awam di pekan ini akan ditutup kerana kedudukannya di bawah laluan kabel elektrik yang sekali gus membahayakan orang ramai. "Apabila pasar awam itu ditutup, peniaga akan diarah berpindah ke bangunan Pasar Tani itu," katanya.

18 Jun 2009 (Khamis)

Jawatan kuasa PAC tangguh bincang siasatan isu PKFZ

Oleh Anwar Hussin, Nazura Ngah, Norliza Wasilan dan Fatin Hafizah Mohd Shahar
bhnews@bharian.com.my



AZMI bersama Ahli Parlimen Kota Belut, Datuk Abdul Rahman Dahlan (kanan) dan Ahli Parlimen Kepong, Dr Tan Seng Giaw menjawab soalan wartawan selepas mempengerusikan mesyuarat PAC di Bangunan Parlimen, semalam.

Ketua Pesuruhjaya SPRM tak hadir mesyuarat beri keterangan

KUALA LUMPUR: Jawatan kuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), semalam menangguhkan perbincangan berhubung isu Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang mencetuskan kontroversi selepas Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM),

Datuk Seri Ahmad Said Hamdan tidak hadir. Pengerusinya, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata PAC menolak kehadiran pengarah siasatannya, Datuk Shukry Abdull menggantikan Ahmad Said untuk memberi keterangan berhubung siasatan terhadap PKFZ. Berikutan itu, PAC mahu Ahmad Said menghadirkan diri pada mesyuarat akan datang ditetapkan Selasa ini.

"Hari ini (semalam) kita panggil SPRM, tetapi Ketua Pesuruhjaya tidak ada maka kita tangguhkan sehingga minggu depan. Beliau ada menghantar pegawai kanannya, tetapi PAC hanya mahu beliau saja... oleh itu kita langsung tidak membincangkan isu PKFZ. "Memandangkan PAC tiada kuasa dan hanya mampu menyelidik serta menilai isu yang perlu disiasat, SPRM dipanggil untuk membolehkan kita mendalami dan meninjau pendapat membabitkan masalah ini," katanya pada sidang media di Bangunan Parlimen, semalam. Ditanya jika Ahmad Said gagal hadir dalam mesyuarat PAC itu, Azmi berkata, pihaknya tidak mempunyai sebarang kuasa untuk memaksanya hadir.

Mengulas gesaan ahli Parlimen Ipoh Timur, Lim Kit Siang yang mahu Azmi meletak jawatan kerana didakwa mempunyai kepentingan dalam PKFZ, beliau berkata, selepas perbincangan, majoriti ahli PAC, termasuk pembangkang menyokongnya untuk terus menjadi pengerasi. "Saya dapat surat Lim Kit Siang supaya saya menarik diri. Saya ada berbincang dalam mesyuarat dan majoriti mereka tidak setuju supaya saya tarik diri. Terima kasih kepada PAC kerana beri kepercayaan," katanya. "Bukan sekadar ahli BN yang menyokong tetapi dua ahli PAC daripada pembangkang," katanya yang enggan mendedahkan nama mereka.